



Soal selidik tentukan aras baharu kemiskinan, pendapatan

KOTA BHARU: **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** menjalankan soal selidik mengenai pendapatan dan perbelanjaan isi rumah di seluruh negara yang dijangka siap hujung tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata apabila siap kelak, negara dijangka memiliki tanda aras baharu paras kemiskinan serta pendapatan bagi golongan B40, M40 dan T20.

Katanya, soal selidik berkenaan dilakukan dalam tempoh dua hingga tiga tahun sekali, dan ketika ini data yang digunakan berdasarkan soal selidik pada 2019.

"Pendapatan turun naik lebih-lebih lagi dalam tempoh COVID-19, maka tidak adil kalau semua soal selidik dibuat dalam tempoh itu.

"Kini dalam peralihan ke fasa endemik, rakyat sudah bekerja dan pendapatan pun meningkat, jadi kita mahu pendapatan itu benar-benar mencerminkan keadaan semasa," katanya.

Mustapa berkata, soal selidik baharu antara lain bertujuan membuat pemutihan kadar kemiskinan tegar di negara ini.

"Pertengahan tahun lalu, miskin tegar Malaysia ialah 262,000 keluarga tetapi pada Februari tahun ini jumlahnya ialah 210,000 manakala pada 15 April terus berkurangan kepada 195,664," katanya. – BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/05/955737/soal-selidik-tentukan-aras-baharu-kemiskinan-pendapatan>